

05 SEP 1996

Amerika-Bosnia (Bergambar)

KELENGKAPAN KETENTERAAN DIBEKALKAN DI BOSNIA

Oleh: E.Sivabalan dan Zulkiple Ibrahim

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Amerika Syarikat yang menyelaraskan satu program utama untuk membekalkan senjata kepada tentera Persekutuan Islam Croatia di Bosnia tidak lama lagi akan menggunakan sumbangan Malaysia sebanyak US\$10 juta (RM25 juta) dan membayangkan akan meminta lebih banyak peruntukan, menurut seorang pegawai kanan Amerika.

Jon D.Glassman, Timbalan bagi Pengukuhan Ketenteraan di Balkans Biro Hal Ehwal Eropah Jabatan Negara hari ini berkata sumbangan itu akan digunakan membeli "beberapa senjata dan perkhidmatan pengangkutan" di bawah program latihan dan kelengkapan.

Katanya sehingga ini sejumlah US\$140 juta (RM350 juta) telah dijanjikan oleh beberapa negara termasuk Amerika, Malaysia, Arab Saudi, Kuwait dan Emiriyah Arab Bersatu untuk program itu dan Malaysia menjadi penyumbang keempat terbesar.

Dengan sejumlah US\$100 juta (RM250 juta) telah disimpan dalam Perbendaharaan Amerika, sumbangan itu akan digunakan untuk membeli kebanyakannya meriam, senjata penangkis, trak, peluru dan peralatan kejuruteraan bagi tentera persekutuan itu, katanya kepada Bernama.

Glassman, yang sebelum itu mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai kanan Wisma Putra, berkata persekutuan itu yang menguasai 51 peratus daripada Bosnia-Herzegovina, baru-baru ini meminta bantuan kewangan untuk membeli peralatan itu.

"Dan kini kita ke Malaysia dalam tempoh 60 hari untuk mendapatkan kebenaran menggunakan peruntukan itu," katanya dengan berkata sumbangan berkenaan disimpan dalam Perbendaharaan Amerika di bawah akaun Malaysia.

Glassman berkata kemungkinan sumbangan Malaysia diperlukan lagi pada masa akan datang.

Ditanya bagaimana peralatan ketenteraan itu akan diedarkan kepada tentera Islam Croatia, Glassman berkata: "Ia akan berdasarkan keperluan ketenteraan."

Katanya Malaysia telah memainkan peranan utama dalam membawa keamanan di Balkans dan pembinaan semula Bosnia-Herzegovina.

"Kerjasama Malaysia adalah amat penting kerana ia telah mengetuai Asean dalam perkara ini," katanya.

Glessman memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana memainkan peranan kuat dari segi politik meminta dunia menentang pembunuhan kaum.

Ditanya apakah bentuk pasukan tentera yang akan kekal di Bosnia untuk meneruskan proses keamanan Dayton apabila mandat pasukan Pelaksana Keamanan (Ifor) yang diketuai Nato berakhir pada Disember, Glassman berkata: "Ia belum dibincangkan lagi. Mungkin selepas pilihan raya Bosnia dan Amerika... banyak negara telah menyatakan kebimbangan termasuk Malaysia, tetapi kita tidak bersedia membincangkannya sekarang."

Ditanya sama ada Amerika akan menerima penyertaan Malaysia jika akan diwujudkan satu bentuk pasukan tentera yang baru selepas Ifor, beliau berkata adalah terlalu awal untuk memperkatakan mengenainya.

Katanya penyertaan Malaysia (dalam Ifor) amat berharga dan luar biasa. Ia menjalankan tanggungjawab dengan baik. -- BERNAMA

ES RON